



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 03-2268 7333
Fax : 03-2268 7555
Laman Web : jknkl.moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil. (62) dlm. JKWPKL(K)/131/1 Jld. 19
Tarikh : / Mac 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**PENGIRAAN ELAUN LEBIH MASA SELARAS DENGAN PELAKSANAAN WAKTU
BEKERJA FLEKSI (WBF) DI JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR DAN PUTRAJAYA (JKWPKL&P)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas. Surat seperti berikut adalah berkaitan:

- i. Surat YBhg. Datuk Seri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN(S)1619 Jld. 23 (12) bertarikh 25 Februari 2019;
- ii. Surat YBhg. Dato' Seri Dr. Ketua Setiausaha rujukan KKM.100-1/6/3 Jld. 2 (1) bertarikh 28 Februari 2019; dan
- iii. Surat Arahan Dalaman (SAD) JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018 – Penambahbaikan Proses Tuntutan Bayaran dan Bayaran Pesanan Kerajaan (Bahagian 1) (No. rujukan surat: bil. (42) dlm. JKWPKL(K)/131/1 Jld. 19 bertarikh 19 November 2018.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menerusi surat edaran seperti yang dinyatakan di atas telah memaklumkan pelaksanaan **WBF secara rintis** mulai **1 Mac 2019** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak di semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan di peringkat Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

3. Melalui pelaksanaan WBF ini, pegawai boleh hadir dan pulang mengikut tempoh masa dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari seperti berikut:

Hari dan Tempoh Waktu Bekerja			Syarat Tempoh Waktu Bekerja Pejabat Yang Perlu Dipatuhi
Hari	Waktu Masuk (Pagi)	Waktu Keluar (Petang)	
Isnin – Jumaat	7.30 – 8.30	4.30 – 5.30	9 jam

4. Untuk makluman tuan/puan, perenggan 3.2.1.2 SAD JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018 menjelaskan bahawa **tempoh minimum** yang melayakkan pegawai untuk menuntut elaun lebih masa adalah **satu (1) jam**. Pengiraan **waktu mula dan waktu tamat** bagi elaun lebih masa akan **digenapkan** iaitu **15 minit, 30 minit dan 45 minit**. Pelaksanaan pengiraan elaun lebih masa ini adalah **kekalkan dan masih berkuat kuasa** walaupun terdapat pelaksanaan WBF secara rintis. Contoh pengiraan elaun lebih masa bagi WBF adalah seperti berikut:

Contoh 1 (Hari Bekerja):

Masa bekerja (WBF)	7.35 pagi – 4.35 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	7.35 pagi – 5.55 petang
Pengiraan elaun lebih masa	4.45 petang – 5.45 petang

Pegawai **layak** untuk menuntut elaun lebih masa untuk tempoh **satu (1) jam**.

Contoh 2 (Hari Bekerja):

Masa bekerja (WBF)	8.05 pagi – 5.05 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	8.05 pagi – 6.35 petang
Pengiraan elaun lebih masa	5.15 petang – 6.30 petang

Pegawai **layak** untuk menuntut elaun lebih masa untuk tempoh **satu (1) jam dan 15 minit**.

Contoh 3 (Hari Bekerja):

Masa bekerja (WBF)	8.17 pagi – 5.17 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	8.17 pagi – 6.17 petang
Pengiraan elaun lebih masa	5.30 petang – 6.15 petang

Pegawai **tidak layak** untuk menuntut elaun lebih masa kerana tempoh pengiraan kerja lebih masa adalah **bermula pada 5.30 petang dan kurang dari tempoh satu (1) jam**.

Contoh 4 (Hari Bekerja):

Masa bekerja (WBF)	8.35 pagi – 5.35 petang (9 jam)
Masa pada <i>punch card</i>	8.35 pagi – 6.35 petang
Pengiraan elaun lebih masa	5.45 petang – 6.45 petang


Pegawai **tidak layak** untuk menuntut elaun lebih masa kerana tempoh pengiraan kerja lebih masa adalah **bermula pada 5.45 petang dan kurang dari tempoh satu (1) jam**.

5. Pengiraan elaun lebih masa bagi hari rehat biasa dan hari kelepasan am adalah kekal sama seperti contoh 3 dan contoh 4 di perenggan 3.2.1.2 SAD JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018. Pelaksanaan contoh 1 hingga contoh 4 di perenggan 4 di atas adalah bermula **1 Mac 2019** sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Surat edaran ini dipanjangkan untuk menjadi panduan kepada PTJ 2 di bawah JKWPKL&P.
6. Sehubungan itu, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing. Sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh merujuk pegawai di Unit Kewangan JKWPKL&P.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

 1/3/2019
(DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH)
MMC: 28133
Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Putrajaya

SENARAI EDARAN:

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)